



# BARISAN NASIONAL MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA SUA BN

1. Terdapat pelbagai spekulasi terkini yang cuba dimainkan dalam media sosial oleh kalangan tertentu yang kehilangan kompas politik kestabilan melalui usaha ancaman dan gugatan yang bertujuan melihat negara terus berantakan.
2. Sesungguhnya negara mendambakan sebuah kerajaan yang stabil untuk membangunkan semula agenda pembangunan, pertumbuhan dan pemacuan negara dalam menghadapi cabaran global yang semakin kompleks.
3. Malaysia perlu muncul semula di pentas antarabangsa bagi membina keyakinan pelabur dan masyarakat antarabangsa. Justeru asas kestabilan perlu dipertahankan oleh segenap lapisan rakyat Malaysia.
4. BN tetap bersama dengan aspirasi rakyat untuk melihat sebuah negara yang aman dan stabil, dipimpin oleh seorang Perdana Menteri yang disepakati oleh semua parti yang membentuk kerajaan atas asas Kerajaan Perpaduan seperti yang dihasratkan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
5. Maka, BN menyeru kepada semua pihak untuk memberi fokus kepada agenda membangunkan negara dan menolak sebarang bentuk politik gugatan.
6. Barisan Nasional ingin mengulangi penegasan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

## BARISAN NASIONAL, DAHULUKAN RAKYAT

**DR ZAMBRY ABD KADIR**

**SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL**

**5HB MEI 2023**

(KM/3/2023)